

PENGIJARAN DAN PENCARIAN IDENTITI MELAYU PATANI DIASPORA DALAM CERPEN-CERPEN ISMA AE MOHAMAD¹

Mohamed Nazreen Bin Shahul Hamid
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan
Universiti Sains Malaysia
mohamednazreen25@gmail.com

Muhammad Izaat Bin Md Isa
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan
Universiti Sains Malaysia

Md. Salleh Yaapar
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan
Universiti Sains Malaysia
mdsalleh@usm.my

Abstrak

Kini terdapat beberapa orang pengarang Melayu Patani yang berhijrah ke Malaysia dan membentuk identiti mereka berasaskan keadaan diaspora. Kebanyakan karya mereka tertumpu pada genre sajak dan cerpen. Antara pengarang yang menonjol ialah Isma Ae Mohamad yang banyak menghasilkan cerpen. Makalah ini bertujuan menganalisis cerpen-cerpen terpilih Isma Ae Mohamad dengan tumpuan kepada krisis budaya dan pencarian identiti watak-wataknya. Cerpen-cerpen yang dimaksudkan adalah “Cerita Dari Sempadan”, “Ke Negeri Impian”, “Perjalanan Ke Sebelah Sana”, “Gadis Tomyam” dan “Rindu Cerita Nenek”. Karya pengarang diaspora ini dikaji berpandukan kerangka konseptual kajian diaspora yang dicadangkan oleh Regina Lee. Kajian ini mendapati sememangnya karya Isma Ae Mohamad memenuhi tiga pola diaspora yang dicadangkan iaitu, sanjungan terhadap tanah air (*namely the idealization of the homeland*), manifestasi butik multi-budaya (*boutique multicultural manifestation*), dan politik identiti transisi (*transitional transformational identity politics*). Malah, karya beliau juga jelas menonjolkan krisis budaya dan pencarian identiti. Pelbagai pengalaman masyarakat diaspora diungkapkan terutama tentang masalah pendidikan dan kerakyatan. Secara keseluruhan, cerpen-cerpen ini memperlihatkan pandangan orang diaspora dari Patani tentang masa lalu dan masa kini kehidupan mereka. Penemuan kajian ini adalah penting kerana hasilnya boleh menyumbang ke arah memahami nasib diaspora Patani dan krisis identiti yang mereka hadapi.

Kata Kunci: Melayu Patani, masyarakat diaspora, krisis, pencarian, identiti, budaya.

PENGENALAN

Konflik yang berlaku di wilayah Patani atau Selatan Thailand bukan satu perkara baru kerana ia telah bermula sejak zaman kesultanan Melayu Patani dan berterusan hingga

¹ Makalah berasaskan Geran RUI (Universiti Sains Malaysia) bertajuk “Warisan Patani Dalam Sastera, Budaya dan Media” (2012-2015) yang diketuai oleh Prof. Dato Seri’ Dr. Md Salleh Yaapar.

kini. Pada era kolonialisme berkuasa, telah berlaku perebutan kawasan dan perluasan kuasa di seluruh Asia Tenggara antara British, Perancis, Belanda Sepanyol, Amerika Syarikat dan Jepun. Pelbagai perjanjian telah dimeterai dalam mencipta sempadan politik bagi mengawal pengaruh masing-masing. Salah satunya daripadanya adalah Perjanjian Bangkok pada 1909 antara kerajaan British dengan Siam yang telah meletakkan Patani secara kekal sebagai “*the Siamese Malay State*” (Nik Anuar Nik Mahmud 2011:29). Perkara ini bukannya atas pilihan penduduk tempatan dan bermula dari detik itu Patani melalui sejarah penuh liku-liku cabaran setelah berada di bawah pemerintahan Bangkok. Pembahagian kawasan oleh kuasa kolonial tersebut telah mewujudkan sempadan baru dan meneruskan konflik di wilayah Patani.

Konflik yang berlaku antara masyarakat Melayu Patani dengan pihak pemerintah Thailand bukan sahaja menimbulkan ketegangan, malah menyebabkan pertumpahan darah kemuncaknya dikatakan pada tahun 2004 iaitu peristiwa berdarah di Masjid Krisek dan pembunuhan di Tabal atau Tak Bai. Kedua-dua peristiwa tersebut telah menarik perhatian dunia terhadap realiti yang berlaku di Selatan Thai. Kesan konflik yang berpanjang ini turut membawa proses penghijrahan penduduk Patani ke pelbagai tempat lain. Proses ini telah mewujudkan masyarakat Melayu Patani diaspora dan menjadi perhatian Isma Ae Mohamad dalam penulisan cerpen-cerpennya. Hal ini demikian kerana, sastera tidak dapat dipisahkan antara pengarang dengan masyarakat dan kejadian di persekitaran telah memberi kesan dan ilham kepada pengarang, seterusnya dialirkan ke dalam bentuk kreatif.

Oleh itu, makalah ini akan fokus kepada cerpen-cerpen terpilih Isma Ae Mohamad dalam menganalisis permasalahan berkaitan penghijrahan dan pencarian identiti Melayu Patani diaspora. Sebagai seorang pengarang muda kelahiran Patani yang menulis dalam bahasa Melayu, cerpen-cerpen beliau kelihatan terkesan dengan keadaan masyarakat di kawasan konflik terbabit. Beliau kini telah menetap di Malaysia lantas penghijrahan beliau ini merupakan sebuah proses kehidupan diaspora lalu dialirkan pengalaman hidup itu melalui pena dan persuratan. Maka, amat penting karya beliau ini dianalisis berdasarkan pengalaman hidup beliau sebagai penulis Patani diaspora.

MEMAHAMI PERKAITAN DIASPORA DAN SASTERA

Secara asasnya, perkataan diaspora berasal daripada perkataan Yunani kuno iaitu *diaspeirein* yang membawa maksud berselerak. Menurut *International Encyclopedia of Social Science* (S.S Shashi, 2007:1331) diaspora bererti “*Greek term which refers to nation or part of a nation separated from its national territory, but preserving its national identity while scattered among other peoples*”. Maknanya, diaspora pada umumnya merujuk kepada bangsa yang terpisah dari wilayah asalnya, bertaburan di tempat lain tetapi masih lagi memelihara identiti asal mereka. Pada awalnya, pemaknaan diaspora sering dikaitkan dengan pemaksaan sesuatu etnik untuk keluar dari tempat asal. Perkara ini ada dinyatakan oleh *Dictionary of Race, Ethnicity and Culture* (2003:73) bahawa diaspora adalah “*suggests a particular type of journey, one usually involving some degree of compulsion*”. Maka, diaspora kerap kali dilihat “tinggal dalam buangan” atau *exile*. Kini istilah diaspora digunakan untuk menggambarkan pengalaman pergerakan atau taburan sesebuah masyarakat. Manakala, kajian diaspora pula menganalisis impak sosial, budaya dan formasi politik yang berlaku akibat pergerakan dan taburan tersebut.

Seperti mana bidang-bidang yang lain, diaspora juga turut dikaji oleh ramai sarjana. Namun, tokoh yang sering dengan pengkajian bidang diaspora ialah Robin Cohen (2008:13) yang menegaskan bahawa seseorang diaspora jati akan menunjukkan dirinya sentiasa berhubung dengan sejarah imigrasi dan masih mengekalkan semangat kekitaan sesama golongan etnik yang sama latar belakangnya. Selain itu, Cohen turut menyenaraikan panduan asas manusia diaspora berdasarkan kepada beberapa ciri umum iaitu:

- i. *Dispersal from an original homeland, often traumatically, to two or more foreign regions.*
- ii. *Alternatively, the expansion from a homeland in search of work, in pursuit of trade or to further colonial ambitions.*
- iii. *A collective memory and myth about homeland including its location, history and achievements.*
- iv. *An idealization of the putative ancestral home and a collective commitment to its maintenance, restoration, safety and prosperity, even to its creation.*
- v. *The development of a return movement which gains collective approbation.*
- vi. *A strong ethnic group consciousness sustained over a long time and based on a sense of distinctiveness, a common history and the belief in a common fate.*
- vii. *A troubled relationship with host societies suggesting a lack of acceptance at the least or the possibility that another calamity might befall the group.*
- viii. *A sense of empathy and solidarity yet creative and enriching life in host countries with a tolerance for pluralism.*

Oleh itu, ciri-ciri umum diaspora yang dinyatakan oleh Cohen ini dapat disimpulkan bahawa golongan ini terpisah dari tanah asal, sentiasa berada dalam keadaan trauma dan mempunyai sebab tertentu untuk berhijrah, umpamanya kerana peluang pekerjaan, faktor penjajahan dan sebagainya. Namun, golongan ini tetap mengenang tempat asal atau tanah air melalui ingatan, kerinduan dan sejarah. Malah, manusia diaspora ini juga akan membentuk komuniti sesama penghijrah lain secara kolektif dan mereka mudah bersimpati kepada orang yang mengalami nasib yang sama walaupun berbeza negara. Walau bagaimanapun, akan timbul masalah dari bentuk hubungan Antara kelompok manusia diaspora ini dengan masyarakat di tempat baru iaitu masyarakat peribumi atau tuan rumah terutamanya dari aspek penerimaan. Selain itu, kedatangan mereka juga akan mencipta masyarakat majmuk di tempat baru.

Masyarakat diaspora mempunyai corak kehidupan tersendiri dan agak teristimewa jika difahami dalam bentuk penulisan sastera. “Keistimewaan” pengalaman dan budayanya sentiasa menjadi perangsang kepada pengarang diaspora untuk meluahkan dalam bentuk penulisan. Spivak (2012) ada menyatakan bahawa:

From this perspective, I have come to ask: what is it about the migration that makes migrants and non-migrants want to write and read about it? It seems to me that a prime attraction is the

emblematic quality of the migration experience. The movement of protagonists through space and time and across cultures and landscapes, offers writers a means to distil, contain and apply narrative structure to the human life span in all its messy complexity-without sacrificing any ingredients. The migrant experience provides the dramatic forum to explore the fundamental themes of literature; the interaction between self and society, the complexity of identity, the comfort of the familiar, and the attraction and fear of the strange. As anyone who has migrated themselves knows, migration is life writ large. It makes protagonists of us all.²

Spivak menganggap pengalaman penghijrahan yang dialami oleh pengarang sebagai suatu asset yang berkualiti dalam menghasilkan karya yang menarik. Pengalaman ini dizahirkan oleh pengarang melalui pembinaan plot dan pergerakan watak melalui latar masa, ruang dan budaya. Selain itu, pengalaman tersebut juga telah memudahkan pengarang untuk menerokai tema-tema asas kesusasteraan, seperti interaksi antara diri dan masyarakat, kerumitan identiti, gangguan fikiran dan sebagainya yang sering dialami oleh manusia diaspora. Perihal ini yang dianggap sebagai satu keistimewaan yang wujud pada pengarang diaspora dan ia diadunkan untuk menonjolkan sisi-sisi positif terhadap satu etnik diaspora.

Selain itu, pertautan yang erat antara pengarang dan pengalamannya menjadikan karya sastera seakan-akan karya autobiografi dan dokumen sosial kerana segala pengalaman hidup penghijrah dialirkan ke dalam penulisan. Biasanya karya yang bersifat autobiografi segera menyarankan bahawa penulisan tersebut pada pokoknya adalah berdasarkan kepada kisah hidup sebenar pengarangnya (Ali Ahmad, 1994:67). Tema-tema pengarang diaspora selalunya hampir sama tidak kira etnik diaspora apa pun dan dari mana bahagian dunia. Hal demikian kerana, pengarang diaspora selalunya akan mengungkap tema atau isu berdasarkan kepada pengalaman dan persekitaran mereka sebagai penghijrah. Menurut Sundaraj (2006:23), kesusasteraan diaspora memperkatakan hasil karya imigran yang melibatkan persoalan seperti, identiti, budaya, sifat-sifat unik etnik, kewarganegaraan, asimilasi budaya, integrasi dan lain-lain persoalan yang melibatkan masyarakat tersebut. Isu-isu ini menjadi perhatian pengarang diaspora kerana ia antara faktor yang mencorak kehidupan etnik diaspora di perantauan.

Pengarang diaspora seringkali akan menghasilkan karya berdasarkan pemerhatian dan perasaan terhadap iklim yang berlaku di dua tempat iaitu tempat asal dan tempat kini atau lokasi penghijrahan. Karya yang memperlihatkan tempat asal atau tanah air sering berkait dengan keagungan dan kehebatan ketamadunannya serta ingatan lampau yang mengusik kerinduannya terhadap tempat asal. Manakala di tempat baharu, pengarang lebih menjurus kepada persoalan rintangan dan cabaran bila berada di perantauan. Latar persoalan ini juga bergantung kepada tahap generasi diaspora melihat persekitaran. Generasi pertama diaspora seringkali melihat isu-isu berkaitan tarikan ekonomi manakala generasi terkemudian lebih terarah kepada isu kerakyatan dan kelangsungan pengekalan identiti dan budaya.

² Spivak, Gayatri Chakravorty. (2012). "What Isn't Migrant Literature?" <http://themigrationist.net/2012/12/13/what-isnt-migrant-literature/>. Tarikh capaian pada 7 Januari 2014.

Oleh yang demikian, dalam menganalisis penghijrahan dan pencarian identiti Melayu Patani diaspora dalam cerpen Isma Ae Mohamad, pola diaspora yang dicetuskan oleh Regina Lee akan digunakan. Hal ini kerana, wujudnya kesesuaian terhadap teks kajian terpilih. Lee (2004:54) telah menggariskan tiga pola asas diaspora iaitu:

- i. Sanjungan terhadap tanah air (*idealization of homeland*)
- ii. Manifestasi butik multi-budaya (*boutique multicultural manifestation*)
- iii. Politik identiti transisi (*transitional/ transformational identity politics*)

Pola sanjungan terhadap tanah air atau *idealization of homeland* merupakan salah satu tindakan dan motivasi yang paling kuat mendorong diaspora. Kepercayaan dari tempat asal yang membantu memberi keyakinan kepada penghijrah untuk sentiasa melihat ke belakang dan sejarah silamnya tanpa mengira perbezaan geografi, budaya dan masalah fizikal. Prinsip manifestasi butik multi-budaya atau *boutique multicultural manifestation* pula merujuk kepada keadaan masyarakat yang menjadi majmuk dan plural bila berlakunya proses campur aduk pelbagai budaya yang dibawa oleh penghijrah dan masyarakat setempat. Kemajmukan masyarakat kini dilihat sebagai satu kenyataan hidup di kebanyakan negara dan melahirkan dunia globalisasi. Kemunculan kelompok diaspora akan membentuk kaum minoriti dan akan terbentuk sistem kelas yang dikenali sebagai “*status symbols*” berasaskan etnik dan bangsa. Pola politik identiti transisi atau *transitional/ transformational identity politics* pula merujuk kepada transformasi identiti terutama kepada generasi diaspora yang terkemudian. Selepas generasi pertama, penghubung dengan tempat asal akan mulai renggang dan potensi perubahan tersebut akan membentuk konsep *national culture* atau *national identity*. Masa akan menjadi ruang kepada pembentukan generasi diaspora hibrid. Generasi diaspora baru ini akan turut membentuk perpaduan dalam komuniti mereka melalui kesatuan politik. Ketiga-tiga pola ini merupakan motivasi yang kuat terhadap tingkah laku masyarakat diaspora. Ketiga-tiga pola asas diaspora yang dikemukakan oleh Lee ini mempunyai bentuk yang ringkas, padat dan bersifat umum. Pola yang dikemukakan beliau juga boleh disesuaikan dengan pelbagai keadaan individu mahupun kelompok masyarakat diaspora.

ANALISIS TEKSTUAL

Penghijrahan Masyarakat Melayu Patani Diaspora

Diaspora masyarakat Melayu Patani ke Malaysia adalah bersifat sukarela dalam keterpaksaan. Sukarela kerana faktor individu itu sendiri yang membawa diri untuk berpindah ke tempat lain manakala keterpaksaan itu pula merujuk kepada keadaan tertentu seperti tekanan politik oleh pihak pemerintah dan desakan ekonomi yang memaksa mereka untuk berhijrah. Sebenarnya diaspora dari Patani ke Malaysia lebih kepada bentuk migran dalaman sahaja iaitu berhijrah ke satu tempat yang mengamalkan kebudayaan sama. Misalnya, penghijrahan orang dari Pulau Sumatera seperti orang Kampar, Minang, Jawa, Banjar, Mandailing dan lain-lain dari rumpun Melayu ke Malaysia. Meskipun begitu, wujud variasi terhadap punca diaspora oleh masyarakat Melayu Patani untuk ke Malaysia. Perihal ini ada dijelmakan dalam cerpen-cerpen Isma Ae Mohamad. Contohnya, dalam cerpen “Rindu Cerita Nenek” (2013:48) telah

diperlihatkan oleh pengarang bahawa penghijrahan watak “ayah” berlaku kerana masalah politik:

Aku cucunya dari anak lelakinya yang membawa diri ke Malaysia dan tak pulang-pulang. Daripada cerita nenek aku tahu cerita sebenar pasal ayah. “Ayahmu memilih untuk memisahkan diri, membawa diri ke Malaysia setelah kecewa dengan perjuangan dan barisan pemimpin pejuang kemerdekaan.

Melalui petikan di atas dapat dilihat bahawa wujud permasalahan dalam kumpulan-kumpulan pejuang kemerdekaan di Patani yang membawa kepada berlakunya diaspora terhadap ahli-ahlinya. Pengarang mungkin cuba mengaitkan dengan situasi sebenar yang berlaku terhadap kumpulan-kumpulan pejuang kemerdekaan yang berada di Patani sekarang seperti Barisan Revolusi Nasional (BRN), Patani United Liberation Organisation (PULO)³ dan sebagainya.

Faktor ekonomi turut menjadi hambatan kepada masyarakat Melayu Patani melakukan diaspora demi mencari kehidupan yang lebih baik. Dalam cerpen “Ke Negeri Impian” ada digambarkan melalui watak “ayah” yang tekad hendak berhijrah ke Malaysia meskipun telah dipujuk oleh kakaknya untuk kekal tinggal di Patani:

Suara emak saudaranya seakan-akan memujuk bersuara di luar, “Dok rok duk Malay. Bukan senang tinggal di Malaysia”. Diam sejenak. Di sini pun, ikan, udang, ketam sedang menunggu kita. Ayahnya diam membisu. Ayah nekad ke negeri impian.⁴

Keadaan ini berlaku kerana pembangunan ekonomi di Patani atau Selatan Thailand tidak serencak seperti di bahagian Utara Thailand kerana pergolakan senjata yang sentiasa berlaku. Tambahan pula, pihak kerajaan Thailand tidak fokus dalam membangunkan aktiviti ekonomi di Selatan Thailand kerana bimbang akan kemajuan yang dicapai nanti bakal menggalakkan pemberontakan yang lebih besar. Akibatnya, tidak wujud pelbagai tawaran pekerjaan terhadap masyarakat Melayu Patani terutamanya bagi golongan anak muda yang berkelulusan tinggi dalam pendidikan. Maka, masyarakat Melayu Patani terus berada dalam keadaan mundur dan sentiasa melihat Malaysia sebagai “negeri impian” yang mampu mengubah taraf ekonomi dan hidup mereka.

Secara asas sejarahnya, Patani adalah salah sebuah negeri dari negeri-negeri Melayu Nusantara. Hubungan dengan negeri Melayu lain sudah lama terjalin dan tidak pernah terputus misalnya melalui hubungan persaudaraan terutamanya dengan negeri Kedah, Kelantan dan Terengganu. Maka, penghijrahan masyarakat Melayu Patani ke Malaysia tidak menjadi satu perkara yang aneh walaupun persempadanan politik moden terbentuk antara negara Thailand dan Malaysia. Malah, hubungan persaudaraan ini terus menjadi faktor menggalakkan diaspora Melayu Patani ke Malaysia. Isma Ae Mohamad dalam cerpen “Perjalanan Ke Sebelah Sana” (2011:79) merasakan keadaan ini berlaku kerana hubungan rumpun Melayu tidak sedikit pun terjejas melalui sempadan negara:

³ Ejaan ini adalah mengikut ejaan rasmi pertubuhan badan tersebut.

⁴http://www.utusan.com.my/utusan/Sastera/20121223/sa_01/Ke-negeri-impian. Tarikh capaian pada 3 Januari 2013.

“Dari percakapan dengan makcik ini dapat difahami bahawa perhubungan wilayah ini dengan wilayah-wilayah Melayu merdeka tidak pernah putus oleh sempadan antarabangsa”.

Meskipun, setiap individu mempunyai sebab tertentu dalam melakukan diaspora tetapi dapat dilihat bahawa hubungan persaudaraan antara negeri-negeri Melayu yang ada sentiasa menjadi motivasi kuat untuk mereka berhijrah.

Setelah melakukan diaspora, masyarakat Melayu Patani seperti mana diaspora yang lain akan hidup dalam keadaan tertentu. Misalnya, pengalaman diaspora oleh generasi pertama akan sentiasa diingatkan kepada generasi kemudian agar diambil sebagai iktibar. Malah, generasi terkemudian juga turut diajar untuk tidak melupakan sejarah silam. Watak “aku” dalam cerpen “Perjalanan Ke Sebelah Sana” (2011:78) diingatkan tentang asal-usul dan bangsanya seperti berikut:

Sebentar, terasa tangan ibu datang mengusap-ngusap di kepala. “Baca buku ini. Kamu akan faham mengapa ayah begitu garang sekali tadi”. Ibu menghulur sebuah buku lusuh bertulis jawi. Saya menatap, ‘*Sejarah Kerajaan Melayu Patani*’ yang ditulis Ibrahim Syukri. Semalaman, saya membaca habis buku itu.

Walaupun menetap di luar Patani, masyarakat diasporanya tetap mengambil tahu akan setiap perkembangan yang berlaku di Patani terutamanya isu konflik dan pergolakan. Misalnya, watak “ayah” yang sentiasa mengambil berat perkembangan di Selatan Thailand dalam “Perjalanan Ke Sebelah Sana” (2011:78):

Hinggalah, satu malam, saya sudah sudah sekolah menengah ketika itu, kami duduk menonton berita. “Apalah, bodoh betul. Nak merdeka? Tapi senjata taka da. Sepatutnya mereka bangga hidup di negara yang tidak pernah dijajah kuasa asing”. “Diam! Apa kau tahu!?” Suara ayah keras membentak setelah reaksi spontan saya bila berita pergolakan di Selatan Thai dikhabarkan. Semua diam. Hanya suara wartawan TV3 Azura Zainal Ratin jelas di udara. Saya jadi terketar-ketar, kecut perut, Ayah bangun, dan keluar rumah dengan menghempas pintu.

Maka, jelas akan sebab sejarah tempat asal sentiasa diingatkan kepada generasi baru iaitu agar sejarah tersebut tidak dilupakan dan sentiasa memberi kefahaman terhadap keadaan terkini yang berlaku di tanah air.

Bila berada di tempat yang baru, seseorang diaspora itu akan mula terkenangkan tanah airnya, tentang kegemilangan, kecemerlangan dan keunggulan ketamadunan lampaunya. Hal ini adalah bertepatan dengan idea yang dikemukakan oleh Lee tentang pola diaspora berkaitan sanjungan terhadap tanah air (*idealization of homeland*). Penghijrah akan memandang ke belakang dan menghargai sejarah silam bangsanya dan secara tidak langsung menambahkan keyakinan tentang asal-usulnya. Patani mempunyai sejarah peradaban yang tinggi, kemuncaknya ketika zaman pemerintahan Ratu-ratu Patani, iaitu Ratu Hijau, Ratu Biru, Ratu Ungu dan Ratu Kuning. Pengarang diaspora seperti Isma Ae Mohamad tidak terkecuali dari mengingati sejarah kehebatan bangsanya ini. Misalnya, telah dinukilkan oleh pengarang dalam cerpen “Perjalanan Ke Sebelah Sana” (2011:81):

Duduk termenung dalam masjid, mengamati lapisan batu-batu merah yang membangunkannya. Saya percaya masjid ini sebuah masjid yang sudah siap di zaman Raja-raja perempuan Patani memerintah lagi. Ia sebuah masjid raya yang menjadi tempat ilmu disebarkan, dan tempat perpaduan ummah serta simbol kedaulatan negeri ini ketika itu.

Selain itu, melalui cerpen “Rindu Cerita Nenek” (2013:46-48) pengarang turut menggambarkan watak “aku” yang sentiasa mengingati cerita-cerita sejarah yang disampaikan oleh neneknya. Watak nenek ada menceritakan peristiwa kedatangan Islam dan Lim Toh Khiam yang mahir membuat meriam:

Suaranya, turun naik nada penceritaanya, seperti aku mendengar nenek mencerita kisah mula negeri Patani Darulsalam memperoleh nur Islam....“Kepandaiannya menghasilkan tiga buah Meriam besar dan hebat untuk Patani menjadikan Tok Khiam tiba-tiba disebut orang”.

Oleh itu, dapat dinyatakan bahawa sejarah keagungan tempat asal sentiasa menghantui individu diaspora dan bagi pengarang ia akan dinukilkan dengan pelbagai cara dalam karya yang terhasil.

Masyarakat Melayu Patani diaspora yang berada di Malaysia sentiasa bersyukur dengan keharmonian yang dapat dikekalkan di sini. Nasib mereka meskipun berada dalam keadaan diaspora kelihatan lebih baik dari mereka yang berada tanah air asalnya. Gambaran kesyukuran ini ada dalam cerpen “Perjalanan Ke Sebelah Sana” (2011:81) iaitu:

Alhamdulillah, saat kaki saya menjejak tangga naik ke jeti imigresen Pengkalan Kubur, dada terasa lapang, luas, menyedut udara di bumi merdeka. Sungguh, saya bertuah. Bila saya berpaling ke belakang, menatap jauh-jauh ke sebelah sana, kelihatan bendera berjalur merah, biru dan putih berkibar-kibar megah ketika matahari mula terbenam. Lewat mata batin ini, bendera itu nampak koyak-koyak.

Melalui petikan itu, pengarang telah menggunakan unsur perlambangan dalam menggambarkan perasaannya. Perlambangan yang dimaksudkan adalah terhadap bendera Thailand iaitu melalui pancaindera adalah cantik dan megah tetapi jauh di sudut hati bendera tersebut kelihatan koyak-rabak. Hal ini demikian kerana, kemegahan tersebut tidak dapat menandingi pengalaman segala penderitaan dan kesengsaraan akibat daripada kekejaman dan penindasan pihak pemerintah Thailand terhadap rakyat Patani selama ini. Kemegahan tersebut tiada nilainya jika tiada wujud kebebasan dan keamanan yang di kecapi oleh rakyat Patani yang merupakan rakyat negaranya juga.

Pencarian Identiti Masyarakat Melayu Patani Diaspora

Di Malaysia, masyarakat Melayu Patani diaspora sememangnya tidak menghadapi masalah dalam mengekalkan identiti asal Melayu Patani daripada di asimilasi budaya secara paksaan seperti di Thailand. Namun, kelompok ini menghadapi masalah identiti

baru iaitu menerima pandangan serong dan rendah dari aspek kelas sosial. Lalu kesannya, mereka menerima layanan yang berbeza dan dilayan sebagai “pendatang” seperti mana yang terjadi kepada penghijrah dari negara lain.

Situasi ini berlaku kerana dasar negara Malaysia yang bertindak untuk mengutamakan identiti kebangsaan melebihi identiti budaya. Identiti kebangsaan adalah satu konsep etika dan falsafah semua manusia dibahagikan kepada kumpulan yang dikenali sebagai negara-negara. Ahli-ahli sesebuah negara berkongsi satu identiti yang sama. Malaysia selepas pasca-kolonial mengalami masalah dalam pembentukan identiti kebangsaan kerana masyarakatnya yang terdiri daripada berbilang kaum dan etnik. Selepas kemerdekaan, kerajaan Malaysia sentiasa berusaha mencipta masyarakat dengan “identiti kebangsaan” bagi mengelakkan peristiwa tragis Rusuhan Kaum 13 Mei 1969 kembali berulang. Shamsul A.B (2007:212) menyatakan bahawa, “*The fact remains that irrespective of ethnic groups, what is being proposed and actively promoted has been a variety of nations-of intent that could form Malaysia’s future ‘nationalist ideology’ and ‘national identity’.*” Identiti baru berasaskan semangat kebangsaan harus dibentuk bagi menjaga hubungan antara kaum selain menghapuskan semangat perkauman antara etnik.

Oleh itu, dapat difahami bahawa masyarakat Melayu di Malaysia lebih mengutamakan konsep identiti kebangsaan berbanding dengan identiti bangsa. Lantas, bangsa Melayu lain yang berada di luar perbatasan negara dianggap orang luar walaupun berbudaya yang sama. Kesannya lebih terasa kepada generasi yang lahir selepas era kolonialisme, kerana generasi ini sudah terdidik dan terbentuk oleh identiti kebangsaan serta kurang mengetahui sejarah bangsa. Lalu masyarakat dan generasi ini lebih memberi pandangan atau persepsi tersendiri terhadap penghijrah dari luar.

Persepsi yang diberikan kepada masyarakat yang berhijrah selepas kemerdekaan negara umumnya lebih bersifat negatif. Masyarakat Melayu di Malaysia juga seakan-akan memandang rendah dan menyamaratakan semua “pendatang” tanpa mengira negara waima berbudaya sama. Senario mewujudkan sifat rendah diri dan kurang keyakinan kepada masyarakat Melayu Patani diaspora. Perasaan ini dinukilkan Isma Ae Mohamad dalam cerpen “Ke Negeri Impian” (2012):

Esok masuk sekolah, berhati-hati bila berkecek, jangan kecek macam orang Tani, cuba kecek macam orang Kelate. Kalau tak, orang sini akan pandang rendah pada kita”. Beberapa tahun kemudian barulah dia faham betapa orang Patani atau orang Melayu sebelah Siam dianggap orang Melayu kelas kedua di sini mengikut persepsinya”.⁵

Pandangan serong orang tempatan menyebabkan golongan ini menerima tekanan. Bentuk krisis identiti seperti ini yang sering berlaku kepada mana-mana masyarakat diaspora di dunia. Isma Ae Mohamad menggambarkan situasi tersebut melalui watak Nuriya dalam cerpen “Gadis Tomyam” (2012:85):

Dia hanya ada gelar daripada orang sekelilingnya iaitu sudah orang sebelah Siam. Nuriya sukar menerima hakikat akan gelar itu. Sejak di bersekolah rendah lagi, dia sering diejek dengan

⁵ http://www.utusan.com.my/utusan/Sastera/20121223/sa_01/Ke-negeri-impian. Tarikh capaian pada 3 Januari 2013.

pelbagai gelar-anak pendatang, PATI Golok, anak sungai Golok-itu beberapa contoh yang dia ingat. Terlalu sukar baginya, meskipun dia sedar hakikat yang dia dilahir sebuah kampung Melayu di Kuala Bekah berdekatan dengan Kuala Sungai Patani, Thailand.

Gelaran-gelaran yang diberikan telah mengganggu emosi mereka. Masyarakat Melayu Patani diaspora menerima kesan psikologi dalam bentuk kejiwaan bila sering disentuh tentang status identiti mereka. Watak Nuriya sentiasa merasakan istilah “pendatang” adalah perkara taboo. Pengarang menulis lagi dalam “Gadis Tomyam” (2012:85) seperti petikan di bawah:

“Ketika kerajaan sedang berusaha membasmi kehadiran pendatang asing, saya tidak berbuat demikian. Saya mengalu-ngalu kedatangan mereka. Di sekolah kita tahun ini, saya menerima seorang pendatang”, kata pengetua di perhimpunan mingguan. Pedih hati Nuriya mendengar. Dia membenci perhimpunan mingguan sekolah sejak itu sampai tamat sekolah. Meskipun pengetua tak pernah menyebutnya lagi di perhimpunan mingguan, hanya sekali itu. Setelah itu para pelajar dan guru tertanya-tanya. Mulanya hanya pengetua dan kerani sekolah sahaja yang tahu akan statusnya. Ia tidak lama. Identiti dirinya pecah. Dari saat itu, Nuriya selalu ditanya soalan tentang statusnya-sudah dapat kad pengenalan?-oleh guru atau sesiapa sahaja dalam banyak pertemuan dengannya.

Justeru, dapat dilihat persepsi masyarakat Melayu di Malaysia dan kesannya terhadap diaspora Patani terutamanya dari aspek psikologi.

Orang Patani diaspora bukan sahaja mengalami masalah dari pandangan serong, malah berlaku dalam bentuk radikal iaitu diskriminasi. Hal ini telah merumitkan lagi persoalan identiti dalam diri generasi diaspora yang mahukan layanan lebih adil. Isma Ae Mohamad menulis dalam “Ke Negeri Impian” (2012):

Ketika memasuki tingkatan empat, dia memahami apa itu diskriminasi mengikut pemahamannya. Dia tidak dibenar memasuki kelas aliran sains. Kata-kata seorang cikgu masih berdegung di telinganya, Kelas sains hanya untuk rakyat Malaysia saja. Takut nanti awak akan kecewa besar bila tak dibenar duduki SPM selepas belajar bersungguh-sungguh. Baik masuk kelas aliran sastera sahaja.⁶

Berdasarkan situasi di atas sememangnya terdapat pola sosial yang dikemukakan oleh Lee iaitu pola manifestasi butik multi-budaya (*boutique multicultural manifestation*). Pelbagai kaum di Malaysia ditambah lagi dengan kedatangan golongan “pendatang” telah mewujudkan keadaan masyarakat majmuk sesuai dengan keadaan pada abad ke-21 yang bersifat global. Kemunculan kelompok diaspora menambahkan lagi variasi etnik

⁶ http://www.utusan.com.my/utusan/Sastera/20121223/sa_01/Ke-negeri-impian. Tarikh capaian pada 3 Januari 2013.

dan membentuk kaum minoriti. Persepsi yang dinyatakan sebelum ini telah menyebabkan terbentuknya sistem kelas sosial yang dikenali “*status symbols*” berdasarkan etnik dan bangsa. Masyarakat Melayu Patani diaspora dilabelkan sebagai masyarakat Melayu kelas kedua dan golongan ini mengalami bentuk pencarian identiti sebagai Melayu diaspora terutama kepada generasi diaspora yang terkemudian. Namun, yang baiknya mereka tidak mengalami proses asimilasi budaya di Malaysia kerana kebudayaan yang serupa dengan etnik Melayu Malaysia

Pembinaan Masa Hadapan Melayu Patani Diaspora

Masyarakat diaspora Patani perlu menyesuaikan kehidupan mereka dengan suasana di tempat baru, tambahan pula kehidupan mereka di tempat baru bukanlah dalam tempoh tertentu kerana mungkin akan tidak terjangkau masanya hasil kesinambungan dari satu generasi diaspora ke satu generasi seterusnya. Asimilasi budaya di Malaysia mungkin tidak berlaku tetapi persoalan identiti Melayu Patani seperti ‘diperlekehkan’ oleh rakyat Malaysia. Oleh itu, integrasi kaum perlu ada dalam meneruskan kelangsungan hidup di tempat baru bersama-sama masyarakat setempat. Pembentukan masa hadapan orang diaspora Melayu Patani ini akan dilihat melalui aspek mencari stabiliti ekonomi, status kewarganegaraan, pendidikan, semangat kebangsaan dan integrasi etnik.

Mencari Kestabilan Ekonomi

Masyarakat Patani di Malaysia dikenali kerana sifat rajin berniaga secara sendirian dalam pelbagai bidang. Ahmad Fathy al-Fatani (1994: 227) menyatakan, “Di Malaysia sekarang mereka kebanyakannya menjadi penjaja, peniaga kecil dan buruh binaan.” Misalnya Isma Ae Mohamad menggambarkan watak Ali dalam cerpen “Cerita dari Sempadan” (2009: 30) yang bekerja sebagai pengemudi perahu tambang antara sempadan Thailand dan Malaysia seperti berikut:

Seawal subuh enjin bot-bot pukut tunda, perahu penambang, diikuti feri, lori pengangkut ikan, prebet sapu dan motosikal menderu di antara kedua-dua tebing. Ali sudah membuat dua pusingan. Kini dia sedang mengemudi perahu arwah ayah untuk masuk pusingan ketiga dengan membawa tiga penumpang ke Tak Bai. Peraih-peraih belaka.

Watak Ali digambarkan oleh pengarang telah bekerja sebagai penambang perahu di perairan sempadan negara. Ali terpaksa melakukan pekerjaan tersebut di usia muda kerana dia tidak dapat meneruskan pengajian di sekolah. Ali mengalami keciciran dalam bidang pendidikan kerana faktor kewangan. Dia digambarkan sebagai seorang anak orang ‘susah,’ tambahan pula baru kematian bapa dan mempunyai ibu yang terlantar sakit keuzuran. Maka dia terpaksa melakukan pekerjaan tersebut bagi membantu menyara kehidupan keluarga mereka.

Selain itu dan menariknya juga, orang Patani paling terkenal dalam bidang perniagaan berasaskan makanan, terutamanya masakan tomyam. Menurut Narong Hassanee (2007: 158), “Di Malaysia, untuk menambahkan taraf ekonomi, mereka

berniaga kecilan dengan membuka warung atau bekerja di warung tom yam di serata Semenanjung.” Masakan tomyam merupakan sejenis makanan yang mencerminkan identiti Thailand. Namun disebabkan orang Patani mampu menyediakan masakan tom yam secara halal, makanan itu mendapat sambutan masyarakat Malaysia. Menurut Suttiporn Bunmak dalam artikelnya “*To Be or Not To Be Orang Siam among Patani Melayu Migrant Workers in Tom Yam Restaurants in Malaysia*”:

... the cuisine of Tom Yam in Malaysia is considered a unique speciality of Muslims from Thailand. Many Nayu people are able to find work in Malaysia in Tom Yam restaurants due to the idea that only Thais can prepare Tom Yam, and only Muslims can cook Halal food. Some reports by Chidchanok Rahimmula (2008) suggest that there are 100,000-150,000 migrants working in Tom Yam restaurants all over Malaysia, while there are approximately 5,000 Tom Yam restaurants owned by Nayu entrepreneurs. Although this study does not indicate the scale of Tom Yam restaurants and Nayu migrant workers, from the interviews with key informants it can be roughly estimated that there are about 4,000 Tom Yam restaurant entrepreneurs and 80,000 migrant workers in this business.⁷

Isma Ae Mohamad menggambarkan terdapat orang Patani yang bekerja di kedai makan tomyam melalui watak Nuriya dalam cerpen “Gadis Tomyam” (2012: 85) seperti berikut:

Semuanya sudah siap. Rakan sekerja di luar sana juga sudah selesai. Lantai bersih di sapu. Meja dan kerusi tersusun. Restoran ditutup sepenuhnya. Dia mengikut langkah rakan-rakan sekerja, senegara, sama-sama pendatang menaiki tangga ke asrama pekerja yang terletak di tingkat atas restoran.

Orang Patani diaspora lebih banyak menceburi bidang perniagaan tom yam berbanding bidang lain. Hal ini demikian kerana, bidang tersebut telah menjanjikan keuntungan disebabkan permintaan yang tinggi dalam kalangan masyarakat Malaysia. Selain itu, pemilik perniagaan dalam bidang ini juga turut menyediakan kemudahan tambahan yang baik seperti penginapan, elaun, pengangkutan dan sebagainya. Keadaan ini telah menggalakkan orang Patani diaspora untuk terus menceburi dan menguasai bidang tersebut di serata Malaysia.

Status Kewarganegaraan

Status kewarganegaraan menjadi penanda umum tentang status identiti seseorang, apatah lagi kepada orang yang berpindah-randah antara negara. Pemberian kerakyatan kepada individu diperketatkan selepas pembentukan Malaysia. Masalah kerakyatan ini paling mustahak berlaku kepada kelompok diaspora yang tidak mempunyai pengenalan

⁷ Suttiporn Bunmak. “To Be or Not To Be Orang Siam among Patani Melayu Migrant Workers in Tom Yam Restaurants in Malaysia.” <https://www.yumpu.com/en/document/view/7753259/to-be-or-not-to-be-orang-siam-among-patani-melayu-migrant->. Tarikh capaian pada 5 Januari 2014.

sah untuk terus tinggal secara rasmi di Malaysia. Orang Patani yang berhijrah telah memilih Malaysia sebagai tanah air kedua mereka, lalu kelompok ini berusaha mendapatkan kerakyatan untuk menjadi warganegara Malaysia dan mereka tidak mahu lagi dianggap sebagai 'pendatang haram'. Dilema ini dihadapi oleh orang diaspora yang ingin menetap di Malaysia secara sah, misalnya watak Nuriya dalam "Gadis Tomyam" (2012: 85) seperti berikut:

"Akulah pendatang asing. Akulah pendatang tanpa izin!." Benar, aku memang pendatang asing tanpa izin, akhirnya Nuriya mengakui. Ketika kanak-kanak dia sudah dibawa menyeberang sungai Golok dan dibesar di negara ini. Cuma, seperti orang kata, sungguh tidak bernasib baik, ibunya tidak mendaftarkannya sebagai anak negeri pada masa itu dikala prosesnya mudah berbanding sekarang. Sebenarnya dia juga tidak memiliki apa-apa dokumen pengenalan diri warga Thai untuk membolehkan dia memiliki passport Thai supaya dia dapat bersekolah secara sah sebagai pelajar antarabangsa di sini.

Aspek kerakyatan Malaysia boleh dilihat melalui fasa sebelum atau selepas Malaysia merdeka. Etnik diaspora yang berhijrah ke Malaysia sebelum merdeka mempunyai peluang menjadi warganegara Malaysia, berbeza pula selepas pembentukan Malaysia kerana kerajaan Malaysia telah mengetatkan sistem kewarganegaraan tersebut. Orang Melayu Patani sebagai bangsa Melayu sememangnya asal dari Semenanjung Melayu, malangnya dipisahkan oleh perjanjian penjajah terasa kecil hati, malah kecewa kerana sistem birokrasi kerajaan Malaysia yang 'menyusahkan' mereka untuk mendapatkan kerakyatan di Malaysia. Hal ini dapat dilihat melalui keluhan Nuriya dalam cerpen "Gadis Tomyam" (2012: 85) iaitu:

Nuriya hanya menjawab, "Belum. Tiada rezeki." Kadangkala ia jawab, "Tiada jodoh lagi." Kalau boleh dia mahu menjawab, "Sudah habis borang diisi. Ibu sudah letih bertemu orang itu, orang ini. Muak dah dengar janji itu, janji ini yang keluar dari mulut orang politik. Kalau boleh mahu saja aku terjah Menteri Dalam Negeri!"

Kelompok diaspora ini merasakan kedudukan mereka di tempat baharu tidak akan terjamin selagi tidak memiliki dokumen rasmi. Penguatkuasa bila-bila masa sahaja boleh menahan orang diaspora yang tidak memiliki kerakyatan seperti apa yang dirasai oleh watak 'aku' dalam "Ke Negeri Impian" (2012) seperti berikut:

Ketika bas berhenti di pemeriksaan polis tak jauh dari sempadan, saat itu dia berharap polis yang sedang melakukan pemeriksaan kad pengenalan penumpang segera datang menangkapnya. Tangkaplah aku, tangkaplah aku, tangkaplah aku, begitulah dia kata batinnya. Semoga dengan penangkapannya, derita kewarganegaraan yang ditanggungnya ini berakhir. Sebaliknya seperti selalu, polis yang memeriksa kad pengenalan penumpang hanya berlalu tanpa memeriksanya. Dia hanya pelajar sekolah

yang lengkap beruniform dalam bas itu, langsung tak kelihatan sebagai seorang pendatang tanpa izin.

Isu kerakyatan menjadi perkara yang dirisaukan kepada kelompok diaspora yang tiada pengenalan sah di negara ini. Isu ini malah mengganggu jiwa dan emosi manusia diaspora ini hinggakan terbawa-bawa ke dalam mimpi. Kajian psikologi sememangnya mengakui perkara yang dirisaukan minda sewaktu sedar akan terbawa-bawa ke alam bawah sedar manusia terutama ketika tidur lalu melahirkan mimpi. Keresahan ini digambarkan Isma Ae Mohamad dalam “Gadis Tomyam” (2012: 85) iaitu, “Keresahan itu juga dibawa ke dalam tidurnya. Semoga mimpi Nuriya indah. Mimpi untuk menjadi warganegara tanah air ini. Mimpi si Gadis Tomyam.”

Bagi menyelesaikan masalah kerakyatan, salah satu jalan keluar adalah dengan berkahwin dengan warga Malaysia. Isma Ae Mohamad menggambarkan watak ‘aku’ yang terpaksa membuat pilihan untuk berkahwin dengan pemuda Malaysia. Hal ini dinyatakan Isma Ae Mohamad dalam cerpen “Ke Negeri Impian” (2012) seperti berikut:

Dia sedar emaknya telah berusaha mendapatkan kewarganegaraan untuknya tapi masih gagal. Hanya satu-satu caranya untuk dia mendapat kewarganegaraan adalah dengan berkahwin dengan orang Malaysia. Kembali ia merenung gumpalan surat cinta yang dilemparnya sebentar tadi, diambilnya semula surat itu yang ditulis anak lelaki pakcik tukang kebun.⁸

Perkahwinan dengan rakyat tempatan merupakan salah satu cara untuk mendapatkan kerakyatan Malaysia. Terdapat peruntukan dalam undang-undang kerakyatan kewarganegaraan Malaysia yang membenarkan orang luar mendapatkan kerakyatan Malaysia selepas berkahwin dengan lelaki Malaysia. Syarat permohonan untuk perempuan yang bersuami dan suaminya seorang warganegara Malaysia adalah seperti berikut:

1. Bahawa perkahwinannya masih berterusan.
2. Bahawa dia telah bermastautin di Persekutuan sepanjang tempoh dua tahun sebelum tarikh permohonan itu dan berniat hendak berbuat demikian secara tetap.
3. Bahawa dia berkelakuan baik.
4. Bahawa perkahwinannya telah didaftarkan mengikut mana-mana undang -undang bertulis yang berkuat kuasa di Persekutuan.

Pendidikan

Isu pendidikan juga timbul kepada generasi diaspora yang terkemudian. Generasi diaspora seterusnya ini merasakan pendidikan merupakan suatu keperluan. Mereka merasakan kehidupan mereka perlu dilengkapi dengan ilmu. Situasi ini tidak berlaku kepada generasi diaspora pertama. Generasi diaspora terkemudian menghadapi masalah

⁸ http://www.utusan.com.my/utusan/Sastera/20121223/sa_01/Ke-negeri-impian. Tarikh capaian pada 3 Januari 2013.

untuk mendaftarkan diri di sistem pendidikan di Malaysia. Isma Ae Mohamad menulis dalam “Ke Negeri Impian” (2012) seperti berikut:

Setahun kemudian barulah dia faham, anak orang asing sebenarnya boleh bersekolah di Malaysia dengan syarat ia memiliki pasport. Masalahnya dia tak memiliki pasport, dia adalah pendatang tanpa izin hingga kini dari sekolah rendah sampai ke sekolah menengah.⁹

Akibat tiada kad pengenalan sebagai dokumen rasmi, orang diaspora mengalami masalah untuk menyambung pelajaran di Malaysia. Sekali lagi pengarang menimbulkan suasana rendah diri golongan diaspora ini melalui watak Nuriya dalam “Gadis Tomyam” (2012: 84) seperti berikut:

"Sila letak Mykad anda di atas meja." Sedang pelajar-pelajar lain mengambil kad pengenalan masing-masing dan mempamerkannya, timbul perasaan rendah diri sambil tangannya bekerja mengeluarkan sekeping kertas A4 yang dibahagi dua berlipat empat dalam poket uniform sekolah. Lipatan kertas itu dibuka perlahan-lahan. Jelas, tertera huruf-huruf besar di atas: SURAT GANTI KAD PENGENALAN UNTUK SPM. Ia surat yang membenarkan Nuriya menduduki peperiksaan awam, Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Kesulitan dalam bidang pendidikan ini disebabkan batas perundangan dan akta pendidikan di Malaysia. Namun, terdapat kelonggaran yang membolehkan murid bukan warganegara diterima masuk belajar di sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan. Syaratnya adalah seperti berikut:

1. Anak kakitangan Kedutaan Asing.
2. Anak yang ibu bapanya adalah juga bukan warganegara, yang bekerja dalam perkhidmatan atau agensi kerajaan, badan berkanun atau mana-mana tempat lain dengan permit kerja yang sah.
3. Anak yang ibu bapanya adalah Pemastautin Tetap Malaysia.
4. Ibu bapa bukan warganegara yang datang ke Malaysia untuk bekerja dan mempunyai pas pekerjaan atau pas pelajar, anak-anak mereka dibenarkan belajar di Sekolah Bantuan Kerajaan dengan syarat mengisi borang permohonan dan menyertakan dokumen sokongan untuk pertimbangan.
5. Permohonan penerimaan masuk murid bukan warganegara ke Sekolah Kerajaan / Bantuan Kerajaan mestilah menggunakan borang Jadual Pertama P.U. (A) 275.¹⁰

Semangat Kebangsaan

⁹ http://www.utusan.com.my/utusan/Sastera/20121223/sa_01/Ke-negeri-impian. Tarikh capaian pada 3 Januari 2013.

¹⁰ <http://keptanbp.blogspot.com/2013/10/pengurusan-murid-bukan-warganegara.html>. Tarikh capaian pada 18 Februari 2014.

Secara kasarnya, generasi pertama diaspora tidaklah mementingkan semangat kebangsaan di tempat baru kerana penghijrahannya bermatlamatkan pencarian kehidupan yang lebih baik. Golongan ini lebih peka terhadap 'semangat' budaya yang berkiblatkan negeri Patani. Namun, semangat ini berbeza terutama kepada generasi diaspora terkemudian. Generasi ini menganggap Malaysia merupakan tanah airnya juga. Mereka hanya dilahirkan di Patani, tetapi dibesarkan di Malaysia dan ada juga yang lahir di Malaysia. Faktor persekitaran telah merubah pandangan dunianya. Watak 'aku' dalam cerpen "Ke Negeri Impian" berasa dia merupakan sebahagian dari rakyat Malaysia. Perasaan ini diungkapkan Isma Ae Mohamad (2012) seperti berikut:

Dia merenung ke seberang, ke Thailand. Mengapalah aku tak membesar di sana? Dia akui bahasa Thainya makin teruk. Dia mengalih pandangan semula ke bendera Malaysia yang sedang berkibar-kibar, dia merasa meskipun dia tak memiliki kad pengenalan Malaysia, hatinya telah anggap dirinya sebagai warganegara Malaysia.¹¹

Orang diaspora terutama generasi yang terkemudian sememangnya telah berasakan diri mereka sebagai sebahagian dari tempat yang diduduki, walaupun tidak mempunyai kerakyatan. Hal ini kerana mereka telah dibesarkan dengan persekitaran di tempat baru sejak lahir atau kecil lagi. Di tempat baru inilah segala pengalaman dan liku-liku hidup diharungi mereka. Mereka menyayangi negara ini seperti mana yang dirasakan oleh rakyat yang lain. Malah perasaan kecintaan mereka mungkin melebihi daripada rakyat tempatan kerana mereka memahami erti menjadi 'rakyat yang sah', tambahan pula pemerhatian mereka terhadap negara asal mereka yang masih bergolak. Kelompok diaspora seumpama ini terutama yang peka akan mudah merasai kecewa. Hak mereka sebagai manusia seperti dinafikan atas penciptaan undang-undang buatan manusia sendiri. Maka, hiduplah mereka seumpama manusia persona non grata.

Integrasi Etnik

Integrasi etnik amat diperlukan dalam mengekalkan keamanan dan kestabilan masyarakat majmuk. Pengarang diaspora sememangnya peka dengan isu antara etnik kerana perkara ini yang sering berlegar dalam masyarakat diaspora. Regina Lee (2004:69) menyatakan:

the writings of the new diaspora are concerned with contemporary issues of the new millennium, while at the same time bearing traces of old diaspora concerns such as racial or ethnic consciousness and forms of racism, or simply illustrating the effects of racialization.

Interaksi sosial berlaku antara penduduk tetap dan etnik diaspora Patani walaupun ada yang memberi pandangan serong terhadap orang Melayu Patani yang baru berhijrah. Namun, terdapat juga orang Malaysia yang menerima secara baik kewujudan

¹¹ http://www.utusan.com.my/utusan/Sastera/20121223/sa_01/Ke-negeri-impian. Tarikh capaian pada 3 Januari 2013.

masyarakat diaspora Melayu Patani ini. Hal ini dicerminkan oleh sikap guru besar yang sudi menerima pelajar Melayu Patani diaspora untuk bersekolah di Malaysia dalam cerpen “Ke Negeri Impian” (2012) seperti berikut:

Dan emak mengulangi hasrat untuk menyekolahkaninya, supaya dia pandai membaca, tahu baca papan tanda, tahu nak naik bas supaya dia tak sesat. Dia jadi malu mendengar hasrat utama emaknya itu. Tapi itulah hasrat yang jujur dari seorang emak yang tak pernah bersekolah supaya anaknya tak sepertinya yang perlu bertanya orang contohnya membaca tiket keretapi. Guru besar itu merenungnya. Dia membalas dengan mengukir senyuman. “Ketika saya bertugas di Sabah dulu, saya benarkan anak-anak pelarian Filipina bersekolah, jadi mengapa saya tak boleh membenarkan anak Patani bersekolah di sini,”¹²

Selepas dianalisis keseluruhan cerpen Isma Ae Mohamad ini didapati pola ketiga yang dikemukakan oleh Regina Lee iaitu politik identiti transisi (*transitional/transformational identity politics*) sememangnya ada dalam masyarakat diaspora Patani. Pola ini yang menjelaskan bahawa akan berlaku transformasi identiti terutama kepada generasi penghijrah yang terkemudian, berdasarkan faktor ruang dan masa. Dalam kes orang diaspora Melayu Patani di Malaysia, kelompok ini masih lagi memegang konsep identiti budaya yang berkiblatkan negeri Patani. Namun secara tidak sedar, generasi diaspora yang terkemudian ini mulai menyatukan diri mereka dengan semangat kebangsaan di Malaysia walaupun belum cukup membentuk identiti kebangsaan dalam diri mereka.

Berdasarkan pola sosial politik identiti transisi ini lagi, dinyatakan generasi diaspora baru turut membentuk perpaduan dalam komuniti mereka melalui aktiviti berpersatuan terutamanya kesatuan politik. Azmah Abdul Manaf menyatakan (2001:343), persatuan boleh dilihat dari aspek matlamat, falsafah, tujuan ditubuhkan, para pendukungnya, arah alirannya, aktiviti dan peranannya ke arah membentuk dan seterusnya memupuk kesedaran masyarakat dalam aspek-aspek seperti pendidikan, ekonomi, agama, perpaduan antara sesama sendiri dan akhir sekali kesedaran politik.

KESIMPULAN

Pembentukan dan pengekalan identiti amat penting bagi sesuatu kelompok etnik dan kaum bagi meneruskan kelangsungan sesuatu budaya. Masyarakat Melayu Patani didapati menghadapi dasar asimiliasi budaya yang cuba menghakis identiti mereka di Selatan Thailand. Namun, atas kekentalan jati diri, usaha tersebut tidak berjaya secara keseluruhannya. Walau bagaimanapun, desakan politik dan ekonomi tetapi menggalakkan masyarakat Melayu Patani untuk berhijrah ke Malaysia dan membentuk masyarakat diaspora tersendiri. Di Malaysia, masyarakat diaspora ini dipandang serong sehingga menimbulkan perbezaan kelas sosial selain identitinya seakan-akan diperlekehkan kerana faktor perbezaan negara. Situasi ini demikian kerana, masyarakat Malaysia telah membina identiti kebangsaan melebihi identiti bangsa. Kesannya,

¹² http://www.utusan.com.my/utusan/Sastera/20121223/sa_01/Ke-negeri-impian. Tarikh capaian pada 3 Januari 2013.

masyarakat Melayu Patani diaspora mengalami sikap rendah diri dan berusaha membentuk identiti yang bersesuaian dengan etnik Melayu Malaysia.

Secara kesimpulannya, didapati bahawa ketiga-tiga pola sosial diaspora oleh Regina Lee iaitu sanjungan terhadap tanah air (*idealization of homeland*), manifestasi butik multi-budaya (*boutique multicultural manifestation*) dan politik identiti transisi (*transitional/transformational identity politics*) ada dalam masyarakat Melayu Patani diaspora. Karya-karya oleh Isma Ae Mohamad sememangnya berkait rapat dengan pengalamannya sebagai manusia diaspora. Beliau menggambarkan pengalaman masyarakat Melayu Patani diaspora di Malaysia selepas pembentukan Malaysia dan pengalaman generasi diaspora yang kedua atau terkemudian. Generasi terkemudian ini mengalami pelbagai masalah terutamanya berkaitan kerakyatan dan pendidikan. Rangkuman keseluruhan cerpen telah memperlihatkan pandangan individu diaspora tentang masa lalu dan masa kini kehidupan mereka.

RUJUKAN

- Ahmad Fathy al-Fatani. (1994). *Pengantar Sejarah Patani*. Alor Setar: Pustaka Darussalam.
- Ali Ahmad. (1994). *Pengantar Pengajian Kesusasteraan*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azmah Abdul Manaf. (2001). *Sejarah Sosial Masyarakat Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Bolaffi, Guido, Bracalenti, Raffaele, Braham, Peter H. & Gindro, Sandro. (Ed.) (2003). *Dictionary of Race, Ethnicity and Culture*. London: SAGE Publications.
- Cohen, Robin. (2008). *Global Diaspora: An Introduction*. Oxon: Routledge.
- <http://keptanbp.blogspot.com/2013/10/pengurusan-murid-bukan-warganegara.html>.
Tarikh capaian pada 18 Februari 2014.
- Isma Ae Mohamad. (2009). “Cerita Dari Sempadan” dalam majalah *Tunas Cipta* (Julai 2009). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Isma Ae Mohamad. (2011). “Perjalanan Ke Sebelah Sana” dalam majalah *Muslimah* (Jun 2011). Kuala Lumpur: Dian Darulnaim.
- Isma Ae Mohamad. (2012). “Gadis Tomyam” dalam majalah *Aniqah* (Februari 2012). Kuala Lumpur: MMP Communications Sdn Bhd.
- Isma Ae Mohamad. (2012). “Ke Negeri Impian”.
http://www.utusan.com.my/utusan/Sastera/20121223/sa_01/Ke-negeri-impian. Tarikh capaian pada 19 September 2013.

- Isma Ae Mohamad. (2013). “Rindu Cerita Nenek” dalam majalah *Dewan Budaya* (Julai 2013). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Lee, Regina. (2004). “Theorizing Diasporas: Three Types of Consciousness.” Dalam Robbie B.H. Goh dan Shawn Wong (Ed.). *Asian Diasporas: Cultures, Identities, Representations*. Aberdeen: Hong Kong University Press.
- Nik Anuar Nik Mahmud. (2011). *Mencari Perdamaian di Asia Tenggara: Merungkai Konflik di Selatan Thailand*. Bangi: Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA) Universiti Kebangsaan Malaysia.
- S.S. Shashi. (2007). *International Encyclopaedia of Social Science Volume 5*. New Delhi: Anmol Publications.
- Shamsul A.B. (2007). “Reconnecting ‘the Nation’ and ‘the State’: The Malaysian Experience.” Dalam Abdul Rahman Embong. (Ed.). *Rethinking Ethnicity and Nation-Building: Malaysia, Sri Lanka and Fiji in Comparative Perspective*. Kajang: Persatuan Sains Sosial Malaysia.
- Spivak, Gayatri Chakravorty. (2012). “What Isn’t Migrant Literature?” <http://themigrationist.net/2012/12/13/what-isnt-migrant-literature/>. Tarikh capaian pada 7 Januari 2014.
- Suttiporn Bunmak. “To Be or Not To Be Orang Siam among Patani Melayu Migrant Workers in Tom Yam Restaurants in Malaysia.” <https://www.yumpu.com/en/document/view/7753259/to-be-or-not-to-be-orang-siam-among-patani-melayu-migrant->. Tarikh capaian pada 5 Januari 2014.
- Thirumamani a/l Sundaraj. (2006). “Kesusasteraan Diaspora India di Malaysia: Satu Kajian Perbandingan Tema Identiti dalam Karya Pilihan Bahasa Tamil dan Bahasa Inggeris.” Disertasi untuk keperluan ijazah sarjana. Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.

